

Youth - Juvenile Delinquency
p. 8-10



Jenayah

dan salah laku pelajar

APABILA MENATAP AKHBAR, MENONTON BERITA DI KACA TV, ATAU MENDENGAR BERITA MENERUSI RADIO PADA HARI INI, KITA AKAN MELIHAT DATA, STATISTIK, DAN PERBINCANGAN YANG TIDAK HABIS-HABIS MENGENAI MASALAH PELAJAR PADA HARI INI. PETIKAN BERITA DI ATAS HANYALAH CEBISAN KECIL TENTANG MASALAH PELAJAR DI SEKOLAH HARI INI. JELASNYA, HARI INI KITA BERHADAPAN DENGAN PENGLIBATAN PELAJAR YANG SEMAKIN SERIUS DALAM JUVANA DAN MASALAH DISIPLIN.

Oleh: Esa Samad
Foto: AFP

RENCANA ini akan menyorot masalah ini dari segi permasalahan yang timbul, punca-punca masalah dan saranan mengatasi masalah yang kian meruncing ini.

Perbincangan akan bermula dengan analisis alam pelajar dari segi psikologi, diikuti dengan pembentangan masalah-masalah juvana dan pelanggaran disiplin, seterusnya diakhiri dengan analisis tentang cara-cara mengatasi permasalahan yang timbul secara teori dan praktis. Kemudian penulis akan membuat suatu rumusan menyeluruh tentang senario yang dibincangkan dalam kertas kerja ini.

Memahami alam pelajar

Di negara kita, alam kehidupan pelajar sekolah bermula pada peringkat pra sekolah iaitu ketika usianya enam tahun hinggalah peringkat Tingkatan Enam Atas, iaitu ketika usianya mencecah 19 tahun. Pada peringkat 6 - 11 tahun, ahli psikologi, Jas Laile Suzana Jaafar mengkategorikan peringkat ini sebagai kanak-kanak pertengahan. Di peringkat 12 - 14 tahun, ahli psikologi mengkategorikannya sebagai remaja awal dan di peringkat 15 - 19 tahun, sebagai remaja pertengahan dan akhir.

Oleh itu, dalam menerokai permasalahan pelajar hari ini, kita harus melihat dalam hal mereka

sebagai kanak-kanak dan remaja. Kamus Dewan mendefinisikan kanak-kanak sebagai budak lelaki atau perempuan yang masih kecil (biasanya yang belum berusia lebih daripada tujuh atau 8 tahun). Jas Laile Suzana Jaafar telah mendefinisikan kanak-kanak sebagai mereka yang berusia antara 3 hingga 12 tahun, bergantung kepada akil baligh. **Akta Kanak-kanak 2001** pula mentakrifkan kanak-kanak sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun dan berhubung dengan prosiding jenayah, ertinya seseorang yang mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana ditetapkan oleh **seksyen 82 Kanun Keseksaan (Akta 574)**.

Remaja pula ditakrifkan sebagai seseorang yang mulai dewasa, sudah akil baligh dan cukup umur untuk berkahwin. Carl Rogers pula mentakrifkan remaja sebagai suatu proses seseorang itu membesar atau membesar menjadi matang, Mahmood Nazar mendefinisikan remaja sebagai zaman peralihan sementara yang dilalui oleh setiap individu daripada zaman kanak-kanak ke zaman dewasa. Granville Stanley Hall pula menyatakan remaja adalah tempoh masa daripada umur 12 tahun hingga 23 tahun dan dipenuhi dengan gelora dan tekanan (storm and stress). Dalam erti kata lain, zaman remaja dipenuhi dengan konflik dan keadaan hati yang boleh berubah secara tiba-tiba.

Sejak kebelakangan ini, remaja dikaitkan pula dengan konsep juvana (juvenile) yang bererti anak muda. Newman & Newman dalam Hairunnaja Najmuddin menyatakan dalam konteks ini, remaja bukan lagi kanak-kanak tetapi pada masa yang lain mereka bukan pula dewasa. Jelasnya mereka memerlukan pematapan fizikal, intelek, rohani, dan emosi dalam tempoh umur sedemikian.

Alam remaja dari segi psikologi adalah di peringkat yang agak kompleks kerana di peringkat umur sebegini mereka perlu menangani dan mengurus perubahan demi perubahan. Mereka perlu menangani perubahan emosi, perubahan pada kebolehan kognitif, tanggapan pada diri sendiri, krisis identiti dan mengalami konflik autonomi dan bersandar, dan keraguan bagi memulakan perkara-perkara baru dalam hidup.

Dalam menangani kemelut mengurus perubahan ini, ada remaja yang berjaya menanganinya dengan baik dan muncul sebagai remaja yang cemerlang. Antaranya ialah seperti Yap Sui Lin yang meraih 16 A dalam SPM, Muhammad Hafiz Hashim yang unggul di bidang sukan dan Siti Nurhaliza dalam bidang nyanyian.

Namun ada pula yang gagal menangani kemelut mengurus perubahan di alam remaja. Remaja seperti inilah akhirnya terjebak dalam delinkuensi juvana dan pelanggaran disiplin. Mereka memilih jalan mudah untuk menangani kemelut yang dihadapi lalu terjerumus dalam penagihan dadah, melakukan hubungan seks bebas, merompak, dan ponteng sekolah. Lebih-lebih lagi, di peringkat remaja, kematapan beragama biasanya tidak terjadi kerana kematapan beragama menurut ahli-ahli psikologi, hanya terjadi seawal usia 24 tahun.

Masalah delinkuensi juvana dan salah laku

Sejak akhir-akhir ini, antara masalah yang sering dimomokkan di dada-dada akhbar dan media elektronik ialah masalah delinkuensi juvana dan pelanggaran disiplin di kalangan pelajar. Masalah yang kian meruncing ini mendapat perhatian serius masyarakat, baik ibu bapa, pendidik, polis, mahupun ahli-ahli politik.

Jadual 1: Juvana Bersalah Mengikut Etnik

TAHUN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
2000	3,442	867	613	360	5,284
2004 (Hingga Oktober)	3,025	455	451	563	4,674

Sumber: Unit Perhubungan Awam, Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman

Delinkuensi pada peringkat juvana ditakrifkan sebagai tingkah laku yang orang ramai percaya akan menjadi ancaman kepada keselamatan awam atau menjadi halangan kepada perkembangan terbaik individu tersebut. Seseorang kanak-kanak atau remaja dikatakan menjadi seseorang juvana delinkuen jika dia melakukan secara konsisten tingkah laku yang melampaui haknya dan telah melanggar undang-undang Negara. Dalam undang-undang Malaysia, juvana ialah kanak-kanak atau remaja yang telah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah seperti mana yang telah ditetapkan di bawah seksyen 82 Kanun Keseksaan dan di bawah umur 18 tahun.

Dari segi pelanggaran disiplin pula, Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan Tahun 1979 mentakrifkan disiplin sebagai:

Pelajar sekolah dianggap melanggar disiplin jika mereka melanggar peraturan-peraturan sekolah seperti yang digariskan dan ditetapkan dalam Buku Peraturan Sekolah. Buku Peraturan Sekolah pula disandarkan kepada pekelliling-pekelliling mengenai disiplin seperti Ref 8543/Vol.2/(55) bertarikh 4 November 1975, Pekelliling Disiplin 1998 dan sebagainya. Antara kesalahan yang jelas tidak boleh dilakukan ialah seperti menghisap rokok, membawa senjata tajam, bergaduh, dan sebagainya yang dianggap kesalahan berat.

Statistik menunjukkan peningkatan kadar pesalah juvana yang dihadapkan ke mahkamah secara perbandingan selang 4 tahun ialah seperti jadual diatas:

Secara purata, sekitar 4,000 – 5,000 tangkapan dan dakwaan dibuat pada setiap tahun terhadap remaja yang terlibat dalam pelbagai kesalahan juvana.

Jadual 2: Jumlah pelaku kesalahan berdasarkan kesalahan

KESALAHAN	JUMLAH
Bersabit dengan harta benda	- 2,076 orang
Bersabit dengan orang	- 238 orang
Kesalahan jantina	- 45 orang
Tahanan	- 381 orang
Dadah	- 90 orang
Judi	- 44 orang
Senjata/bahan api	- 247 orang
Lalu lintas	- 34 orang
Lain-lain	- 301 orang

Sumber : Unit Perhubungan Awam, PDRM Bukit Aman, 2002

"...kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan sendiri. Disiplin juga bermakna kesanggupan seseorang itu bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak individu lain, kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu kepentingan orang lain, kesanggupan hormat-menghormati antara satu dengan lain dan mempunyai semangat tolong-menolong dan kesanggupan membaiki keadaan yang sedia ada..." (Panduan Disiplin untuk Pelajar-pelajar: 1998).

Dari segi kesalahan, statistik menunjukkan kesalahan yang paling ketara ialah bersabit dengan harta benda, diikuti dengan kesalahan tahanan, berhubung dengan senjata/bahan api, bersabit dengan orang dan lain-lain. Misalnya pada tahun 2001, kategori kesalahan juvana adalah seperti berikut:

Dari segi masalah pelanggaran disiplin pula, masalah yang paling ketara ialah masalah ponteng sekolah, ponteng kelas, menghisap rokok dan buli. Kajian yang dijalankan oleh Universiti Perguruan Sultan Idris (UPS) sedikit masa lalu menunjukkan kes buli telah berlaku di sekolah-sekolah sedari bangku sekolah rendah lagi.

Punca masalah disiplin dan delinkuensi juvana

Terdapat banyak faktor yang dikatakan menyumbang kepada delinkuensi yang dikemukakan oleh pelbagai aliran teori. Menurut Bartollas, teori-teori bersabit dengan delinkuensi juvana ialah empat bidang utama iaitu:

1. Teori Penyebab Individu

Teori Penyebab Individu boleh dipecahkan kepada teori biologikal awal, teori sosiobiologikal, teori ketidakupayaan **pembelajaran**, teori psikologikal dan teori pemilihan rasional.

2. Teori Struktur Sosial

Teori ini boleh dipecahkan kepada teori disorganisasi sosial, teori devian kebudayaan, teori strain seperti teori anomie merton, teori delinkuen cohen, teori peluang Cloward dan Olin, dan teori stratifikasi dan delinkuensi sosial.

3. Teori Proses Sosial

Dalam teori ini, terdapat teori perbezaan perakitan, teori kecenderungan dan delinkuensi, teori kawalan dan teori gabungan.

4. Teori Reaksi Sosial

Antaranya termasuk teori labeling, teori interaksi simbolik dan teori konflik.

Antara teori yang terkemuka ialah teori disorganisasi Shaw and McKay. Shaw dan McKay melihat juvana delinkuensi sebagai akibat daripada keruntuhan kawalan sosial di kalangan komuniti primer sesebuah masyarakat seperti keluarga dan jiran tetangga, kerana berlakunya disorganisasi sosial komuniti tersebut. Proses perindustrian, urbanisasi, dan penghijrahan yang pesat juga turut menyumbang kepada disorganisasi komuniti. Tingkah laku delinkuen seterusnya akan menjadi pilihan alternatif kepada para remaja yang menjadi sebahagian daripada komuniti yang tidak berorganisasi. Mereka akan tertarik kepada gaya hidup devian itu.

Jelas sekali, berdasarkan teori disorganisasi, antara faktor utama yang menyumbang kepada masalah juvana dan disiplin pelajar di negara kita ialah kemerosotan hubungan kekeluargaan, seterusnya perpecahan atau disorganisasi jiran tetangga dan akhirnya masyarakat. Di negara kita, konflik yang berlaku ialah kemerosotan asuhan, didikan, dan kawalan ibu bapa. Ibu bapa lebih banyak memberi tumpuan terhadap kerjaya sehingga menyerahkan soal pembesaran anak-anak kepada pembantu rumah, pusat asuhan, tadika dan sekolah. Kajian bertajuk *"Perkaitan Pemantauan dan Perhubungan Ibu bapa- Anak dengan Tahap Tingkah Laku Devian Remaja di Johor Bahru"* oleh Hanina Halimatussaadiah Hamsan dan Rozumah Baharudin yang dimuatkan dalam Jurnal Kebajikan Masyarakat, Januari 2001, mendapati pembabitan ibu bapa dalam mensosialisasikan anak pada peringkat remaja adalah sangat penting.

Selain itu, pengaruh persekitaran turut menyumbang kepada peningkatan masalah juvana dan disiplin pelajar. Yang paling ketara ialah kewujudan pusat-pusat hiburan, pusat-pusat permainan video dan cakera padat, pergaulan melampaui batas antara lelaki dan perempuan, dan penyiaran gambar lucah di kaca TV, internet, majalah dan akhbar. Menurut Prof Dr Sidek Baba, seperti yang tersiar dalam akhbar Berita Harian, 6 Disember 2004, media elektronik dan cetak menyebabkan rangsangan negatif dalam jiwa remaja yang kosong dan berada dalam pencarian. Antaranya termasuklah media massa dan internet.

Faktor persekolahan turut menjadi penyumbang ke arah peningkatan masalah juvana di kalangan pelajar. Sekolah adalah tempat mereka menimba ilmu, pengajaran dan pendidikan formal selepas ibu bapa. Sepanjang berada di sekolah, pelajar biasanya mengambil sikap sama ada memerhati, memahami, menghayati, mencuba, dan mengambil bahagian apa-apa perkara baru yang dialami, dilihat, dan dipelajarinya. Kurangnya interaksi yang mantap sesama pelajar dan pelajar dengan guru-guru menjadi antara penyumbang ke arah peningkatan masalah disiplin di sekolah. Begitu juga dengan kelonggaran disiplin sekolah dan kurang minat belajar.

Rakan sebaya juga turut menjadi penyumbang. Kegagalan remaja memilih rakan yang baik menyebabkan mereka terjerumus ke lembah masalah disiplin dan juvana. Contohnya, apabila kita menatap berita-berita tentang rogol, kegagalan remaja perempuan mengambil sikap berhati-hati menyebabkan mereka akhirnya dirogol oleh teman lelaki sendiri.

Akhirnya, faktor peribadi juga menjadi penyumbang. Peribadi remaja yang kotor yang dikuasai sifat-sifat keji seperti pamarah, tamak, dengki, pendendam, panas baran, sombong, tidak amanah, dan sebagainya menjerumuskan remaja ke arah gejala kenakalan.

Menangani kemelut pelajar hari ini

Untuk menangani masalah pelajar hari ini, dicadangkan beberapa strategi penyelesaian yang mengambil kira beberapa pendekatan seperti pendekatan akademik, perundangan di sekolah, dan pengawasan penglibatan remaja dalam aktiviti-aktiviti sihat.

Dari segi pendekatan akademik, dicadangkan pihak sekolah memantapkan kembali kurikulum di sekolah agar selari dengan fitrah remaja. Prof. Chiah dari Suhakam pernah menyatakan bahawa sekolah kita hari ini nampaknya lebih berfokuskan kepada perempuan berbanding lelaki.

Sistem perundangan di sekolah juga perlu dikaji dan diperbaiki agar lebih mantap.

Garis panduan tindakan disiplin, kaunseling, dan sebagainya perlu menjurus lebih kepada pembinaan peribadi pelajar dan pemantapan sahsiah mereka secara proaktif. Misalnya, aspek disiplin bukan sekadar menghukum tetapi mencegah. Aspek kaunseling pula bukan hanya sekadar memulihkan tetapi memperkembangkan jati diri pelajar sebagai remaja.

Remaja juga perlu dibimbing agar senantiasa mengingati Tuhan, ibu bapa, masa depan dan matlamat hidup. Tindakan ini seharusnya dilakukan secara bersepadu di peringkat sekolah, ibu bapa dan masyarakat. Amalan "tidak menjaga tepi kain orang," seharusnya diketepikan. Masyarakat harus berani bertindak menegur dan mencegah perbuatan mungkar di kalangan remaja.

Ibu bapa juga harus meluangkan waktu untuk menjaga dan mendidik anak-anak. Amat berbahaya jika ibu bapa menyerahkan bulat-bulat anak-anak mereka di bawah jagaan orang gaji, tadika, atau sekolah. Mereka harus meluangkan lebih banyak masa di rumah untuk menyemak kerja sekolah anak-anak, mengawasi rakan sebaya anak-anak, memantau disiplin anak-anak di sekolah, dan sentiasa berhubung dengan guru.

Pihak polis juga berperanan penting dalam mendisiplinkan pelajar. Tindakan polis menahan pelajar sekolah yang ponteng sebagaimana dilakukan di Kuala Lumpur sedikit masa lalu harus dipuji sebagai suatu pendekatan murni. Tindakan polis seharusnya bukan dilihat sebagai mencabuli hak asasi manusia seperti dakwaan sesetengah pihak, sebaliknya sebagai tindakan pencegahan berorientasikan kemasyarakatan demi kebaikan dan kesejahteraan bangsa dan negara. Pihak berkuasa lain dan kerajaan juga harus memainkan peranan lebih proaktif. Pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Perbandaran misalnya boleh menyekat pusat-pusat hiburan, perjudian.

Tegasnya, untuk menangani masalah peningkatan kes juvana dan disiplin di kalangan pelajar, semua pihak harus berganding bahu. Sekadar mengharap satu dua pihak bertindak, masalah ini tidak akan selesai.

Kesimpulan

Pelajar-pelajar hari ini adalah pewaris masa hadapan. Kita harus bersama-sama bertanggungjawab mencorakkan pemikiran dan arah tuju mereka agar menjadi generasi negara pada masa hadapan yang lebih baik. ■■